

12/12/1999

Kepakaran Musa penuhi keperluan negara

Maznah Darus

RAKYAT Pulau Mutiara mampu bersorak 'Pulau Pinang Boleh', berikutan pengumuman pelantikan Kabinet baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang kelmarin.

Ini kerana di samping pengekalan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pemegang jawatan nombor dua penting selepas Perdana Menteri dan juga Menteri Dalam Negeri, kejutan besar senarai Kabinet baru itu juga membawa perhatian seluruh warga Malaysia ke Pulau Mutiara.

Betapa tidaknya, buat pertama kali dalam sejarah penyenaraian Kabinet, Dr Mahathir mengambil seorang yang tidak mempunyai latar belakang politik untuk menerajui kementerian yang penting, iaitu Menteri Pendidikan bagi menggantikan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak yang berpindah ke Kementerian Pertahanan.

Sebaik saja nama Tan Sri Musa Mohamad, 56, bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) diumumkan seluruh masyarakat yang menonton pengumumannya melalui televisyen itu seakan tertanya-tanya, Musa mana?

Nama Tan Sri Musa Hitam mungkin lebih diketahui umum. Tetapi nama Menteri Pendidikan baru yang diumumkan oleh Dr Mahathir itu menimbulkan banyak pertanyaan dalam tepukan gemuruh itu. Tidak hairanlah Musa turut menerima kejutannya, malah beliau sendiri menyatakan rasa terkejutnya ketika dikerumuni wartawan media cetak dan elektronik, di rumahnya di Villa Seri Nadia, di Bukit Jambul pada petang hari yang sama.

Isteri Musa, Puan Sri Fauziah Shahrom (Pendaftar USM) yang berada di luar negara ketika pengumuman pelantikan itu dibuat, berkali-kali meminta kepastian daripada suaminya kerana kurang percaya dengan berita yang disampaikan melalui telefon itu.

Bertepatan dengan pepatah hanya jauhari mengenal manikam, Dr Mahathir ketika menjelaskan pilihannya itu, berkata banyak faktor yang diambil kira dalam memilih calon yang bersesuaian untuk mengisi Kabinet itu.

Antara lain ialah prestasi menteri Kabinet sebelumnya dalam pilihan raya umum ke-10 pada 29 November lalu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir, berkata pemilihan Musa itu adalah untuk memenuhi keperluan mencari orang luar terutama di kalangan intelek yang tidak boleh menyertai Umno kerana perlu melalui proses peningkatan dari peringkat cawangan ke bahagian yang memakan masa yang terlalu lama.

Katanya, orang seperti Musa tidak perlu membuang masa hanya untuk memastikan dirinya mencapai tahap itu kerana mereka mempunyai kepakaran tertentu yang diperlukan negara.

Atas sebab itu juga Musa akan dilantik segera sebagai Senator bersama Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman untuk membolehkan mereka memegang jawatan menteri di kementerian masing-masing.

Tidak hairanlah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon menyifatkan susunan Kabinet itu sebagai satu pasukan yang memaparkan kombinasi pemimpin lama yang berpengalaman serta pemimpin baru lagi berkepakaran.

Sambil memberikan contoh pelantikan Musa sinonim dengan USM berikutan tempoh 23 tahun perkhidmatannya di menara gading itu, beliau menyatakan langkah itu jelas menunjukkan tenaga bukan politik juga turut diambil kira dalam pembentukan Kabinet berkenaan.

"Saya menganggap pelantikan Musa ini amat tepat sekali memandangkan beliau amat berpengalaman dan kepakaran beliau sesuai untuk menangani isu pendidikan di negara ini.

"Beliau adalah seorang yang berkeupayaan dan amat komited dan tidak syak

lagi Musa mempunyai pengalaman yang amat berguna yang boleh dimanfaatkannya dalam menjalankan tugas barunya ini," jelas Dr Koh yang pernah bertugas bersama Musa di USM sebelum beliau (Koh) bersara untuk menceburi bidang politik pada 1982.

Turut menyerlah ialah kenaikan pangkat Srikandi Pulau Mutiara, Datuk Shahrizat Abdul Jalil menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri selepas berfungsi selama satu penggal sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Belia dan Sukan.

Sementara itu, satu lagi pelantikan yang membabitkan pemimpin dari Pulau Pinang ialah bekas Timbalan Ketua Menterinya, Datuk Seri Mohd Shariff Omar yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Pertanian.

Yang menarik berhubung pelantikan ini ialah hakikat bahawa sebelum menjadi Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Shariff adalah Setiausaha Parlimen di kementerian yang sama.

Turut menambah bilangan anak Pulau Mutiara yang disebut dalam pengumuman Kabinet semalam ialah Ahli Parlimen Bukit Bendera, Chia Kwang Chye yang dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia (selepas menewaskan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang dalam pilihan raya lalu bagi Parlimen Bukit Bendera).

Selain itu Ahli Parlimen Bayan Baru, Wong Kam Hoong sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

(END)